

SIARAN AKHBAR

TENDER RUANG NIAGA DI STESEN BAWAH TANAH MRT

Kuala Lumpur, 21 Februari 2017: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mengumumkan bahawa tender ruang niaga di stesen bawah tanah MRT Sungai Buloh – Kajang (SBK) akan dibuka esok hari, 22 Februari 2017.

Stesen tersebut dan jumlah lot yang dibuka adalah seperti berikut:

No	Stesen	Jumlah Lot
1	Bukit Bintang	3
2	Muzium Negara	1
3	Tun Razak Exchange (TRX)	3

MRT Corp menjemput perniagaan yang berpotensi untuk mengambil bahagian dalam permohonan untuk berniaga di ruang niaga seperti yang tersenarai di atas. Butiran berkenaan permohonan ini akan diumumkan pada sesi taklimat menurut pada butiran di bawah:

Tempat: Kafeteria, Tingkat 5, Menara I & P 1,
46 Jalan Dungun,
Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
*(Tempat letak kereta terhad, berdekatan dengan
Stesen MRT Semantan)*

Date: 22 Februari 2017

Time: 10pagi

Permohonan dokumen boleh didapatkan selepas sesi taklimat. Harga dokumen tersebut adalah RM212.00 dan hanya boleh dibayar menggunakan cek bank ataupun deraf bank.



Pengarah Komersial dan Pengurusan Tanah MRT Corp Dato' Haris Fadzilah Hassan said MRT Corp mengalu-alukan perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mengambil bahagian dalam tender ini.

"Pemohon yang berpotensi hendaklah mempunyai modal berbayar minimum RM500,000.00 dan pengalaman minimum tiga tahun dalam perniagaan mereka," kata beliau.

Beliau berkata, ruang niaga di ketiga-tiga stesen bawah tanah berkeluasan antara 77 meter persegi ke 122 meter persegi dan jauh lebih besar berbanding ruang niaga di stesen bertingkat.

"Saya percaya dengan lokasi stesen, dan jumlah pengguna tren yang dijangka menggunakan laluan SBK apabila keseluruhan jajaran dibuka, akan memberi satu peluang yang tidak berpenghujung kepada para peniaga yang berjaya dalam permohonan tender ini," kata Haris.

MRT Corp mencari perniagaan yang menarik dan menawarkan perkhidmatan dan produk yang bersesuaian dengan gaya hidup yang pantas dalam cara hidup bandar, tambah beliau.

Para pemohon yang Berjaya akan dipilih menurut pada penilaian permohonan terbaik dan MRT Corp berhak untuk tidak menerima tawaran tertinggi, jelas beliau.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Cik Natasya Zanudin di 010 280 2048.

TAMAT

For media enquiries, please contact:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my